

**DALAM MAHKAMAH SESYEN TEMERLOH
DALAM NEGERI PAHANG, MALAYSIA
SAMAN NO: CB-B53KJ-4-03/2021**

ANTARA

MOHD HUSAINI BIN ABU HASSAN

.... PLAINTIF

DAN

1. JOHN DOE

....DEFENDAN

2. TAN YEE SEONG

(Berniaga sebagian Tan Yee Seong Enterprise

No Pendaftaran Perniagaan 20060378588 (JM0454326-V)

ALASAN PENGHAKIMAN

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah rayuan oleh Pihak Defendan Kedua terhadap keputusan Mahkamah yang telah diberikan pada 16 Jun 2022 yang telah membenarkan tuntutan Plaintiff terhadap Defendan Kedua dengan kos mengikut skala. Pihak Defendan telah memfailkan rayuan terhadap isu liabiliti dan juga isu kuantum melalui Notis Rayuan bertarikh 29 Jun 2022.



FAKTA KES

[2] Ini adalah tuntutan Plaintiff terhadap Defendan bagi satu kemalangan jalan raya di KM 65 Lepar Utara, Jalan Jerantut, Pahang pada 12 Mac 2015 pada jam 6 pagi. Plaintiff adalah penunggang motosikal No. CDG 8648 dan Defendan Pertama pula adalah seorang yang identiti tidak diketahui pula memandu sebuah lori yang tidak mempunyai No. Pendaftaran. Manakala, Defendan Kedua pula adalah dikatakan sebagai majikan atau principal kepada Defendan Pertama. Kemalangan dikatakan berlaku di dalam jalan kelapa sawit milik Felda Global Ventures Sdn Bhd semasa Plaintiff yang merupakan salah seorang pekerja kepada FGV sedang menunggang motosikal untuk pergi ke tempat kerja dan bertembung dengan sebuah lori yang dipandu oleh Defendan Pertama.

[3] Defendan Pertama pertama telah melarikan diri selepas kemalangan tersebut dan tidak dapat dikesan sehingga hari ini.

[4] Plaintiff telah mengalami kecederaan akibat kemalangan tersebut dan memfailkan tuntutan terhadap Defendan Pertama dan Kedua bagi mendapatkan ganti rugi khas, am, faedah dan kos. Defendan Kedua telah mempertikaikan tuntutan Plaintiff dan memfailkan pernyataan pembelaannya dan menafikan bahawa beliau adalah majikan atau principal kepada Defendan Pertama tersebut.



ISU LIABILITI

KETERANGAN SAKSI PLAINTIF

[5] Plantif telah memanggil 3 orang saksi iaitu SP1, Insp Sebastian anak Pendie, pegawai penyiasat dan SP2, En Mukhlis Hidayat bin Ali Hanaphiah, wakil majikan kepada Plaintiff dan SP3, Mohd Husaini bin Abu Hasan, iaitu Plaintiff sendiri.

[6] SP3 iaitu Plaintiff telah memberi keterangan melalui penyata saksi yang ditanda sebagai **PSP3** bahawa pada hari kejadian, beliau telah menunggang motosikal dari rumah untuk pergi ke tempat kerja di Felda Lepar Utara 11. Apabila sampai di KM 65 Jalan Jerantut-Lepar Utara, pada jam 6.00 pagi, tiba-tiba sebuah lori telah keluar simpang dari sebelah kanan secara mengejut dan memasuki laluan beliau. Oleh kerana jarak terlalu dekat, Plaintiff telah mengelak ke kanan untuk mengelak lori tersebut tetapi beliau telah terlanggar bahagian hadapan kiri tersebut lalu terjatuh dan kemudian beliau pingsan dan tidak mengetahui apa-apa selepas daripada itu. SP3 juga telah memberi keterangan bahawa kemalangan telah berlaku ditengah-tengah jalan. SP3 juga memaklumkan bahawa beliau telah mengalami kecederaan yang teruk pada bahagian kiri badan beliau di mana tangan kiri beliau adalah lumpuh dan kaki kiri terpaksa dipotong. SP3 telah membuat laporan polis seperti di eksibit **P3**.

[7] SP1 seorang Pegawai penyiasat pula memberi keterangan bahawa juga memaklumkan bahawa berdasarkan siasatan, kesan kemalangan adalah berlaku di laluan sah lori iaitu dari bawah ke atas rajah kasar yang ditanda sebagai eksibit **P6 dan dan P6(k)**. SP1 juga memaklumkan



bahawa terdapat kesan geseran yang bertanda “D” di dalam rajah kasar dan juga seperti di dalam gambar eksibit **P5D** terdapat serpihan plastik pada bahagian kanan laluan lori yang ditanda sebagai “E” di dalam rajah kasar dan terdapat kesan tayar dibahagian sebelah kanan jalan seperti di dalam gambar eksibit **P5E**. SP1 juga memberi keterangan bahawa kesan kerosakan kenderaan pada lori adalah dibahagian hadapan kiri dan motosikal juga adalah dibahagian hadapan seperti gambar-gambar di eksibit **P5F,P5G,P5H dan P5K**. SP1 juga mengesahkan semasa kemalangan, lori tersebut adalah kosong dan tidak membawa buah sawit.

[8] SP1 memaklumkan bahawa siasatan telah lengkap dan hasil keputusan adalah tiada bukti kukuh untuk menyalahkan sesiapa dan kes adalah diarahkan untuk dirujuk ke Mahkamah untuk tindakan lanjut. Keputusan siasatan adalah seperti di eksibit **P7**

[9] SP2 iaitu wakil majikan kepada Plaintiff dalam keteranganya menyatakan Plaintiff adalah salah seorang pekerja FGV dan bekerja sebagai pemandu. Pada hari kemalangan, semasa rocall pada jam 6.30 pagi didapati Plaintiff tidak hadir bekerja sebelum dimaklumkan bahawa Plaintiff telah terlibat dengan satu kemalangan. SP3 juga memberi keterangan bahawa Defendan Kedua adalah seorang kontraktor yang menandatangani kontrak dengan FGV bagi mengangkut buah di Felda Lepar Utara 11 berdasarkan kontrak seperti di eksibit **P11,P12 dan P13**. SP3 juga memberi keterangan bahawa mengikut rekod, lori sawit yang terlibat dengan kemalangan tersebut adalah lori yang mengangkut buah untuk Defendan Kedua dan Defendan Kedua telah menyewa asrama pekerja di dalam simpang berhampiran tempat kemalangan tersebut.



[10] Semasa pemeriksaan balas, SP3 juga menyatakan bahawa lori akan mula angkut buah tandan baru pada jam 8.00 pagi ke kilang Lepar Utara 6 dan mula mengeluarkan hasil buah tersebut pada jam 10.00 pagi. SP3 juga menyatakan sepatutnya lori tidak boleh keluar pada jam 6.00 pagi atau 6.45 pagi. SP3 mengesahkan bahawa terdapat 3 kontraktor di dalam ladang tersebut di bawah FGV. Walaubagaimanapun, SP3 tidak dapat mengesahkan jumlah lori yang bekerja pada hari tersebut dan tidak dapat menyatakan lori mana yang telah terlibat dengan kemalangan tersebut.

[11] Plaintiff telah menghujahkan bahawa hanya terdapat satu versi kemalangan oleh Plaintiff dalam tuntutan ini dan versi kemalangan Plaintiff tersebut adalah selari dengan keterangan-keterangan dokumentar dan dokumen senyap yang ada. Plaintiff juga menghujahkan bahawa keterangan Pegawai penyiasat berkenaan “point of impact” berdasarkan serpihan yang dijumpai di bahagian kiri jalan adalah tidak boleh diterima oleh Mahkamah kerana Pegawai penyiasat bukan la saksi mata yang melihat kemalangan tersebut dan tidak berada ditempat kemalangan semasa kemalangan berlaku. Plaintiff juga menghujahkan bahawa Defendan Pertama bukanlah kontraktor bebas yang dilantik oleh Defendan Kedua sebaliknya berdasarkan prinsip undang-undang yang ada, Defendan Kedua masih bertanggungjawab secara vicarious terhadap apa-apa liabiliti dalam kemalangan ini.

KETERANGAN SAKSI DEFENDAN

[12] Defendan Kedua telah memanggil 1 orang saksi iaitu SD1, Tan Yee Siong, Defendan sendiri.



[13] SD1 memberi keterangan bahawa pada hari kemalangan beliau telah menerima panggilan telefon daripada pejabat Felda Lepar Utara 11 memaklumkan suatu kemalangan telah berlaku yang melibatkan sebuah lori hantu bertanda AA2014 LU 11.09. SD1 telah pergi ke tempat kemalangan dan mendapati tiada sebarang hasil diangkut oleh lori tersebut. SD1 juga dimaklumkan bahawa kemalangan telah berlaku antara jam 5-6 pagi di mana lori tersebut belum memulakan kerja-kerja subkontraknya. SD1 seterusnya membuat laporan polis pada 30.3.2015.

[14] SD1 memaklumkan bahawa beliau adalah salah seorang kontraktor yang dilantik oleh FGV di ladang lepar utara 11 sekitar tahun 2014 dan beliau pula telah melantik Defendan Pertama sebagai sub kontraktor bebas iaitu seorang pekerja Indonesia secara lisan untuk menjadi kontraktor bebas bagi menjalankan kerja-kerja mengambil buah sawit di ladang lepar Utara 11 milik FGV tersebut dan dibayar mengikut trip. SD1 juga memberi keterangan bahawa beliau tidak mengetahui nama, alamat dan indentiti pekerja Indonesia tersebut tetapi beliau mengetahui bahawa pekerja tersebut juga ada membawa buah sawit bagi beberapa kontraktor FGV yang lain. SD1 juga menyatakan bahawa Defendan Pertama bukanlah pekerja beliau dan dia hanyalah seorang kontraktor bebas.

[15] Defendan Kedua telah menghujahkan bahawa versi kemalangan oleh Plaintiff adalah selari dan tidak disokong dengan keterangan-keterangan dokumentar dan dokumen senyap yang ada. Plaintiff juga menghujahkan bahawa berdasarkan keterangan yang ada iaitu kesan kerosakan, keterangan Pegawai penyiasat, kemalangan ini adalah satu kemalangan secara hadapan di laluan yang sah Defendan Pertama.



Keterangan ini menunjukkan bahawa kecuaiian adalah disebabkan sepenuhnya oleh Plaintiff yang telah menunggang di laluan yang salah iaitu laluan sah Defendan Pertama. Defendan Kedua juga menghujahkan bahawa Plaintiff telah gagal membuktikan bahawa Defendan Pertama adalah pekerja kepada Defendan Kedua. Sebaliknya Defendan Kedua hanya melantik seorang pekerja Indonesia sebagai kontraktor bebas dan oleh itu, Defendan Kedua adalah tidak bertanggungjawab secara vicarious terhadap apa-apa liabiliti dalam kemalangan ini.

DAPATAN DAN PENEMUAN MAHKAMAH

ISU LIABILITY

[16] Seksyen 101 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa;

“Section 101. Burden of proof.

(1)Whoever desires the court to give any judgment as to any legal right or liability, dependent on the existence of facts which he asserts must prove that those facts exist.

(2)When a person is bound to prove the existence of any fact, it is said that the burden of proof lies on that person.”

[17] Di dalam kes **Tenaga Nasional Bhd v. Perwaja Steel Sdn Bhd [1995] 4 MLJ 673**, Hakim Low Hop Bing (pada masa itu) menyatakan bahawa,



“Under section 101(1) of the Evidence Act 1950, whoever desires the court to give judgment as to any legal right or liability, dependent on the existence of facts which he asserts, must prove that those facts exist. In other words, the plaintiff must prove such facts as the plaintiff desires the court to give judgment as to its right to claim against the defendant or the defendant's liability to pay the plaintiff. The burden of proof is on the plaintiff: s. 101(2). In order to succeed here, the plaintiff must prove its claim affirmatively.”

[18] Di dalam kes **Ng Chul Sia v Maimun Bt. Ali [1982] 1 LNS 85** Hakim Hashim Yeop A Sani (pada masa itu) telah menjelaskan pula bahawa,

“In an action for negligence the onus of proving the allegation of negligence rests on the person who makes it unless there are disclosed facts which raise a presumption in favour of the plaintiff. The plaintiff must show affirmatively that there has been a breach of a specific or general duty by the defendant and this resulted in the damage to the plaintiff. If he fails to prove this the action must fail.”

[19] Dengan itu adalah jelas bahawa beban pembuktian di atasimbangan kebarangkalian dalam kes seumpama ini terletak di bahu pihak Plaintiff yang mendakwa kecuaiian penuh pihak Defendan sebelum ia berpindah ke pihak Defendan bagi menjawab dakwaan kecuaiian itu

[20] Seterusnya bagi kes ini, Mahkamah perlu membuat penilaian secara keseluruhan dan memutuskan versi kemalangan yang lebih probable dan boleh dipercayai atas beban pembuktianimbangan kebarangkalian untuk memutuskan isu kecuaiian dan tugas berjaga-jaga oleh pihak-pihak



semasa memandu di jalanraya. Dalam membuat penilaian tersebut, Mahkamah akan merujuk kepada keterangan-keterangan lisan, dokumentar dan juga keterangan senyap yang ada dan dikemukakan sepanjang perbicaraan.

[21] Semasa perbicaraan berlangsung, Kedua-dua pihak telah memberi keterangan dan versi masing-masing dan Mahkamah akan membuat pertimbangan ke atas keterangan-keterangan lisan tersebut.

[22] Seterusnya, Mahkamah juga akan bergantung kepada keterangan-keterangan lain yang ada untuk memutuskan isu liabiliti. Mahkamah telah merujuk kepada kes ***Ng Aik Kian v Sia Loh Sia [1997] 2 CLJ SUPP 218***, dimana Mahkamah telah memutuskan bahawa :

“It is trite law drivers and the witness on each side tell conflicting and divergent stories, the photographs, plans, measurements of the scene of accident and the nature of the damage to each vehicle will be the guiding force-the reliable guide to rely upon.”

[23] Setelah membuat penilaian secara keseluruhan atas semua keterangan yang ada dan atas imbangan kebarangkalian, Mahkamah telah membuat penemuan fakta bahawa versi kemalangan Plaintiff adalah lebih probable dan boleh dipercayai serta disokong oleh keterangan-keterangan lain yang atas alasan-alasan seperti berikut ;

- (i) Mahkamah mendapati bahawa keterangan SP1, SP2, SP3 dan SD1 menunjukkan bahawa terdapat hanya satu versi



kemalangan yang dikemukakan kepada Mahkamah iaitu versi Plaintiff seperti di keterangan SP3 dan tiada versi kemalangan Defendan di kemukakan kerana pemandu lori tersebut telah melarikan diri.

- (ii) Setelah menilai versi kemalangan Plaintiff melalui keterangan SP3, Mahkamah mendapati versi kemalangan Plaintiff ini adalah lebih probable apabila ianya turut disokong oleh keterangan senyap yang lain iaitu pertamanya, pada kerosakan kenderaan lori pada bahagian hadapan kiri dan kerosakan motosikal Plaintiff pula adalah pada bahagian hadapan seperti di gambar eksibit **P5F,P5G,P5H dan P5K**. Kesan kerosakan ini adalah selari dengan versi kemalangan Plaintiff yang menyatakan bahawa lori tersebut telah keluar dari simpang kanan memasuki laluan Plaintiff dan bertembung di tengah-tengah jalan semasa lori tersebut ingin membelok semula ke laluan dan semasa Plaintiff cuba mengelak lori tersebut ke kanan sebelum berlaku pertembungan.
- (iii) Selain daripada itu, Mahkamah juga mendapati kecederaan yang dialami oleh Plaintiff iaitu lumpuh pada bahagian tangan kiri dan kaki kiri dipotong juga menunjukkan pertembungan telah berlaku sebelah kiri Plaintiff semasa kemalangan telah menyokong versi kemalangan dan keterangan SP3 tersebut yang telah cuba mengelak secara “agony of the moment” ke bahagian kanan di laluan lori semasa kemalangan berlaku. SP3 telah menyatakan bahawa semasa kemalangan, lori tersebut tidak mempunyai lampu dan ini menyebabkan dia



tidak dapat melihat lori tersebut yang keluar simpang secara tiba-tiba sebelum beliau terpaksa mengelak ke sebelah kanan dan bertembung dengan lori pada bahagian kiri.

- (iv) Bagi isu tempat pelanggaran berlaku, Mahkamah menolak keterangan SP1 bahawa pelanggaran disyaki berlaku di laluan sah lori berdasarkan kesan geseran yang bertanda D dan kesan serpihan plastik bertanda E di dalam rajah kasar seperti di **eksibit P6** dan **P6k**. Ini adalah kerana pandangan SP1 tersebut adalah hanya berdasarkan lawatan di tempat kejadian dan tiada saksi mata yang menyokong kepada pandangan tersebut. Atas isu yang sama, Mahkamah telah meneliti keterangan SP3 dan mendapati penjelasan SP3 bahawa kemalangan berlaku ditengah-tengah jalan apabila beliau cuba mengelak ke kanan secara “agony of the moment” iaitu di laluan sah lori sebelum terjatuh di tempat bertanda D yang mendatangkan kesan geseran dan seterusnya berhenti di atas rumput di tempat bertanda E iaitu kesan serpihan plastik. Mahkamah menerima penjelasan tersebut dan mendapati ianya adalah lebih berkemungkinan untuk berlaku berbanding versi kemalangan mengikut pandangan SP1 dan Defendan yang mengatakan ianya adalah sebuah pelanggaran secara hadapan. Mahkamah mendapati kesan-kesan kerosakan dan kesan kemalangan seperti di **eksibit P1** dan **P1k** adalah tidak menyokong versi kemalangan tersebut kerana jika ianya suatu kemalangan dan pelanggaran secara hadapan, maka kesan geseran dan serpihan plastik akan tertumpu di tengah jalan kerana pertembungan antara lori dan



motosikal akan menyebabkan motosikal tersebut akan berhenti terus tanpa ada kesan gesaran di sebelah kanan jalan lori tersebut.

- (v) Mahkamah mendapati tindakan Plaintiff mengelak ke kanan tersebut adalah disebabkan “agony of the moment” untuk mengelakkan kemalangan akibat tindakan Defendan Pertama yang keluar simpang secara tiba-tiba dalam keadaan tidak berlampu dan memasuki laluan beliau adalah suatu tindakan yang munasabah dan untuk itu, Plaintiff tidak boleh disalahkan atau dikatakan telah menyumbang cuai kepada kemalangan ini.
- (vi) Oleh itu, atas penemuan-penemuan tersebut, Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff telah berjaya membuktikan versi kemalangan Plaintiff pada tahap imbangan kebarangkalian dan seterusnya memindahkan beban pembuktian untuk membuktikan sebaliknya kepada Defendan. Dalam kes ini, Defendan Pertama telah melarikan diri dan tiada keterangan daripada Defendan Pertama untuk membuktikan sebaliknya, maka versi kemalangan Plaintiff adalah kekal dan tidak berjaya disangkal dan dalam keadaan ini, setelah Plaintiff telah membuktikan versi kemalangnya secara imbangan kebarangkalian, maka, Mahkamah tiada pilihan lain selain daripada menerima versi kemalangan dan keterangan Plaintiff tersebut dan mendapati Defendan Pertama telah cuai dan bertanggung 100% liabiliti dalam kes ini. Dalam hal ini



Mahkamah telah merujuk kepada kes **TAKAKO SAKAO v NG PEK YUEN & ANOR [2010] 1 CLJ 381** yang memutuskan bahawa;

“Two consequences followed when the first respondent who was fully conversant with the facts studiously refrained from giving evidence. Firstly, the evidence given by the appellant ought to have been presumed to be true. The judge was under a duty to accept the appellant’s evidence as true in the absence of any evidence from first respondent going the other way. His failure to direct himself in this fashion thereby occasioned a serious miscarriage of justice. Secondly, the court ought to have drawn an adverse inference against the first respondent on the amount of the appellant’s contribution to the purchase Price as well as the existence and the terms of the mutual understanding or agreement that she had with the first respondent. The trial judge in the present case ought to have held that failure of the first respondent to give evidence apart from discrediting her case strengthened the appellant’s case on those vital points that lay at the axis of the dispute between the parties. Instead, he treated the first respondent’s failure to appear and give evidence as a matter of no apparent consequence. His non-direction upon such a crucial point amounted to a misdirection which occasioned a miscarriage of justice.”



LIABILITI DEFENDAN KEDUA

[24] Plaintiff telah memplidkan bahawa Defendan Kedua adalah bertanggung secara vicarious ke atas kemalangan ini kerana Defendan Pertama adalah ejen, wakil atau pekerja kepada Defendan Kedua dan juga Defendan Kedua adalah pemilik kepada lori tersebut. Manakala Defendan pula menafikannya dan menyatakan bahawa Defendan Pertama bukan pekerja beliau dan sebaliknya Defendan Pertama adalah seorang kontraktor bebas yang dilantik oleh Defendan Kedua untuk mengangkut buah sawit di ladang Felda Lepar Utara 11. Defendan Kedua juga menafikan bahawa beliau adalah pemilik kepada lori tersebut.

[25] SD1 telah memberi keterangan bahawa beliau adalah kontraktor kepada FGV di ladang Felda Lepar Utara 11 sejak 2014 berdasarkan kontrak seperti di eksibit **P11, P12 dan P13**. Seterusnya SD1 juga di dalam pliding dan penyata saksinya di **PSD1** telah mengakui bahawa beliau telah melantik Defendan Pertama iaitu pemandu lori warga indonesia tersebut secara lisan sebagai kontraktor bebas bagi menjalankan kerja kerja mengangkut buah sawit di ladang tersebut. Oleh itu, dengan pengakuan dan keterangan SD1 tersebut, Mahkamah mendapati bahawa pihak-pihak telah bersetuju kepada fakta bahawa Defendan Pertama yang memandu lori tersebut adalah kontraktor yang dilantik oleh Defendan Kedua.

[26] Maka, isu penting yang perlu diputuskan oleh Mahkamah sekarang adalah samada Defendan Pertama adalah ejen, wakil atau pekerja kepada Defendan Kedua atau sebaliknya dia hanyalah kontraktor bebas yang dilantik oleh Defendan Kedua.



[27] Defendan Kedua telah menghujahkan bahawa Defendan Pertama adalah kontraktor bebas yang dilantik dan tidak bertanggung kepada liabiliti kemalangan ini berdasarkan fakta-fakta berikut;

- (a) wujudnya satu perjanjian lisan yang mana pemandu lori tersebut bersetuju untuk menjadi sub kontrak bebas;
- (b) Pemandu Lori tersebut telah menjalankan perniagaanya sendiri menggunakan lori sendiri;
- (c) pemandu lori tersebut mempunyai kemudahan tempat tinggal dan mempunyai kebenaran untuk memasuki ladang tersebut;
- (d) pemandu lori tersebut mempunyai beberapa pelanggan yang merupakan kontraktor FGV yang lain.
- (e) terdapatnya ramai kontraktor bebas asing serupa dengan pemandu lori ini yang tinggal dan menjalankan perniagaan di dalam ladang FGV
- (f) Defendan Kedua tidak mempunyai kawalan masa dan tindakan bagaimana pemandu lori tersebut mengangkut buah-buah sawit dan kebenaran untuk mengangkut buat hanyalah bermula jam 8.00 pagi.

[28] Defendan Kedua telah merujuk kepada kes **RAMACHANDRAN A/L MAYANDY v ABDUL RAHMAN BIN AMBOK LAONGAN & ANOR [1997] 4 MLJ 237** dan menghujahkan bahawa prinsip undang-undang berkaitan liabiliti majikan adalah seperti berikut;

- (a) ejen tersebut hendaklah dengan secara nyata dan jelas mendapat kebenaran daripada principal untuk melakukan sesuatu perbuatan yang menyebabkan liabiliti tort itu timbul;



- (b) perbuatan tort oleh ejen tersebut telah diakui dan disahkan secara jelas oleh principal; dan
- (c) ejen tersebut telah bertindak dalam skop dan ruang kuasa yang diberikan kepadanya.

[29] Plantif pula menghujahkan bahawa Defendan Pertama adalah bukannya kontraktor bebas Defendan Kedua tetapi beliau adalah ejen, wakil atau pekerja kepada Defendan Kedua dan bertanggung secara vicarious kepada liabiliti kemalangan ini atas fakta-fakta berikut;

- (a) ladang tersebut adalah ladang milik FGV dan hanya pekerja, kontraktor dan pekerja kepada kontraktor sahaja mempunyai akses kepada ladang tersebut;
- (b) Defendan Kedua mempunyai kontrak dengan FGV untuk mengangkut 6074 tan buah sawit dari ladang Lepar Utara 11 ke kilang sawit lepar utara 06 dan kilang sawit lepar utara 04;
- (c) tindakan Defendan Kedua untuk menjalankan tanggungjawab kontrak tersebut adalah dengan mendapatkan pemandu lori untuk memandu lori untuk mengangkut buah sawit dan dalam kes ini, beliau telah melantik Defendan Pertama sebagai pemandu lorinya;
- (d) pemandu lori tersebut tidak mempunyai hubungan kontrak dengan FGV. Dia hanyalah menyara hidup di dalam ladang tersebut dengan menjalankan tugas kontrak Defendan Kedua dan mendapatkan bayaran daripada Defendan Kedua. Terdapat syarat khas dikenakan oleh Defendan Kedua yang perlu dipatuhi oleh pemandu lori untuk mendapatkan bayaran yang



menunjukkan adanya kawalan minimum kepada pemandu lori tersebut;

(e)walau apapun terma kontrak antara Defendan Kedua dan Defendan Pertama, perkhidmatan pemandu lori tersebut merupakan “integral part” kepada perniagaan Defendan Kedua dengan pihak FGV disebabkan perkhidmatan pemandu lorinya itu adalah satu satunya cara untuk Defendan Kedua menjalankan tugas dan tanggungjawab kontraknya. Pemandu lori tersebut bukannya menjalankan perkhidmatan lain seperti membaiki lori yang rosak kepada Defendan Kedua dan ini menunjukkan bahawa beliau adalah pekerja kepada Defendan Kedua dan bukannya seorang kontraktor bebas yang menjalankan “recognisably independent business”.

[30] Bagi menentukan isu ini, Mahkamah perlu meneliti prinsip undang-undang terkini yang ada mengenai isu “vicarious liability”. Bagi tujuan tersebut, Mahkamah telah meneliti kes yang dirujuk oleh Defendan Kedua **RAMACHANDRAN A/L MAYANDY v ABDUL RAHMAN BIN AMBOK LAONGAN & ANOR [1997] 4 MLJ 237** dan juga kes yang dirujuk oleh Plaintiff **DR KOK CHOONG SENG & ANOR v SOO CHENG LIN & ANOTHER APPEAL [2017] 10 CLJ 529** dan mendapati kes yang dirujuk oleh Plaintiff adalah terpakai dan ianya adalah satu kes Mahkamah Persekutuan yang terkini yang telah diputuskan bagi isu yang sama.

[31] Mahkamah Persekutuan di dalam kes **DR KOK CHOONG SENG & ANOR v SOO CHENG LIN & ANOTHER APPEAL [2017] 10 CLJ 529** telah menggunakan kes **VARIOUS CLAIMANTS** dan telah meluaskan skop “vicarious liability” di Malaysia berbanding prinsip undang-undang



berkaitan isu yang sama di dalam kes yang terdahulu. Mahkamah Persekutuan di dalam kes tersebut telah memutuskan bahawa;

“[84] The decision in Various Claimants follows a line of English authorities in expanding the two traditional requirements (see, for instance, Short v. J W Henderson Ltd 919460 SC (HL) 24, Lee Ting Sang v. Chung Chi-Keung & Anor [1990] 2 AC 374, Lister v. Hesley Hall [2002] 1 AC 215, Dubai Aluminium Co Ltd v. Salaam [2003] 2 AC 366, E v. English Province of Our Lady of Charity [2012] EWCA Civ 938). To summarise, at stage 1, relationships akin to employment are now included in the scope of vicarious liability in addition to employer-employee relationships. Multiple factors are to be taken into consideration at this stage, and the element of control is no longer regarded as determinative. At stage 2, the wrongful act needs not be authorised by the employer, but sufficiently closely connected with the relationship of employment. The closeness of connection would be satisfied where the employer uses the employee to carry on its business in furtherance of its interests, thereby increasing the risk of the tort being committed by the employee.”

[32] Menggunapakai prinsip undang-undang di atas dan setelah menilai fakta kes yang ada, Mahkamah mendapati bahawa hujahan Plaintiff adalah lebih probable berbanding hujahan Defendan dan memutuskan bahawa Hubungan Defendan Pertama dengan Defendan Kedua adalah lebih serupa (more akin) kepada hubungan sebagai pekerja dan majikan berbanding hubungan sebagai kontraktor bebas. Mahkamah mendapati bahawa perkhidmatan pemandu lori oleh Defendan Pertama tersebut



merupakan “integral part” kepada perniagaan Defendan Kedua dengan pihak FGV disebabkan perkhidmatan pemandu lorinya itu adalah satu satunya cara untuk Defendan Kedua menjalankan tugas dan tanggungjawab kontraknya. Defendan Pertama tersebut bukannya menjalankan perkhidmatan lain seperti membaiki lori yang rosak kepada Defendan Kedua dan ini menunjukkan bahawa beliau adalah pekerja kepada Defendan Kedua dan bukannya seorang kontraktor bebas yang menjalankan “recognisably independent business”. Keterangan SP2 iaitu Penolong Pengurus FGV yang mengesahkan bahawa lori tersebut adalah lori yang digunakan oleh Defendan Pertama untuk mengangkut buah sawit bagi Defendan Kedua sejak sebelum kemalangan berlaku dan keterangan bahawa lori tersebut telah keluar simpang yang berdekatan dengan hostel pekerja yang disewa oleh Defendan Kedua turut menyokong dapatan bahawa Defendan Pertama adalah pekerja atau ejen kepada Defendan Kedua yang menjadi sebahagian penting daripada perniagaan Defendan Kedua. Mahkamah juga telah merujuk kepada kes yang sama di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa;

“[80] Lord Reed observed that Various Claimants represented a modern approach to vicarious liability, where harm is wrongfully caused by a tortfeasor who carries on activities as an integral part of the employer’s business activities and for its benefit. The approach extends the scope of vicarious liability, but not without limit: no liability is imposed where the tortious act is entirely attributable to the “recognisably independent business” of the tortfeasor or a third party”



[33] Mahkamah juga telah memberi penilaian kepada keterangan dan hujahan Defendan Kedua berkenaan lantikan Defendan Pertama sebagai kontraktor bebas dan mendapati bahawa Defendan Kedua telah gagal untuk membuktikan bahawa Defendan Pertama merupakan kontraktor yang menjalankan “recognisably independent business”. Keterangan SD1 tidak disokong oleh mana-mana keterangan lain. Defendan Kedua tidak memanggil mana-mana saksi lain seperti supervisor beliau atau mana-mana Pegawai FGV untuk mengesahkan dakwaan beliau. Defendan Kedua juga telah gagal untuk mengemukakan sebarang dokumen untuk membuktikan Defendan Pertama telah dilantik sebagai kontraktor bebas. Walaupun Defendan Kedua telah menyatakan ianya adalah suatu kontrak lisan, Defendan sekurang-kurangnya perlu mengemukakan nama dan identiti pemandu lori tersebut, rekod bayaran dan dokumen-dokumen berkaitan lain yang boleh menunjukkan bahawa Defendan Pertama adalah menjalankan “recognisable independent bussiness”. Tanpa bukti sokongan tersebut, dan menggunakan “Test 1” dan “Test 2” di dalam Various Claimants, Mahkamah memutuskan bahawa Hubungan Defendan Pertama dan Kedua adalah lebih serupa sebagai hubungan antara pekerja dan majikan.

[34] Bagi isu bahawa bahawa kemalangan telah berlaku pada jam 6.00 pagi iaitu sebelum waktu operasi yang dibenarkan pada jam 8.00 pagi pula, Defendan Kedua telah menghujahkan bahawa fakta tersebut menunjukkan Defendan Pertama telah menjalankan kerja lain daripada kerja –kerja yang dikontrakkan kepada beliau dan oleh itu Defendan Kedua adalah tidak bertanggung kepada liabiliti kemalangan ini. Tambahan pula, semasa kemalangan, lori tersebut adalah kosong dan tidak mengangkut buah sawit bagi pihak Defedan Kedua. Bagi isu ini,



Mahkamah bersetuju dengan hujahan Plaintiff bahawa walaupun semasa kemalangan Defendan Pertama tidak mengangkut buah sawit dan ianya berlaku di luar waktu operasi, ianya telah melepasi ujian “sufficiently close connection to the relationship of employment” dan mendapati bahawa Defendan Kedua telah mempunyai hubungan rapat yang mencukupi kepada hubungan pekerjaan apabila fakta menunjukkan bahawa Defendan Pertama telah keluar simpang di mana terdapatnya hostel yang disewa oleh Defendan Kedua untuk pekerjaanya dan beliau telah memandu di dalam ladang Lepar Utara 11 sepertimana yang diperuntukkan di deskripsi tugas mengikut kontrak dengan pihak FGV. Mahkamah juga mendapati bahawa tiada keterangan lain yang menunjukkan bahawa Defendan Pertama telah memandu lori tersebut bagi tujuan lain yang tidak berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab kontrak.

[35] Oleh itu, berdasarkan penilaian terhadap keterangan saksi-saksi Plaintiff dan Defendan, keterangan dokumentar dan senyap yang ada dan alasan serta penemuan fakta di atas, atas imbangan kebarangkalian, Mahkamah berpendapat Plaintiff. Mahkamah memutuskan bahawa Defendan Pertama telah cuai sepenuhnya dalam kemalangan ini dan oleh itu, Defendan Kedua adalah juga bertanggung sepenuhnya secara vicarious kepada liabiliti kemalangan ini. Tiada sebarang sumbangan kecuai oleh Plaintiff dibuktikan dan tuntutan Plaintiff adalah dibenarkan dengan kos mengikut skala.

ISU KUANTUM

[36] Mahkamah juga telah memutuskan isu kuantum dan dalam menentukan isu kuantum, Mahkamah telah merujuk kepada keterangan



lisan SP2, laporan perubatan dan laporan pakar kedua-dua pihak dan dokumen-dokumen yang telah dipersetujui tetapi tertakluk kepada hujahan di dalam ikatan dokumen seperti berikut ;

- 1- Ikatan Dokumen Bersama – Ikatan A;
- 2- Ikatan Dokumen Bersama – Ikatan B;
- 3- Ikatan Dokumen Tambahan -Ikatan C.
- 4- Ikatan Dokumen Tambahan 1 – Ikatan D

[37] Dalam menentukan award ganti rugi am dan khas yang adil dan bersesuaian, Mahkamah juga telah merujuk kepada prinsip undang-undang mantap berkenaan award ganti rugi yang diputuskan di dalam kes ***Inas Faiqah Mohd Helmi (A Child Suing Through Her Father And Next Friend; Mohd Helmi Abdul Aziz) V. Kerajaan Malaysia & Ors [2016] 2 Clj 885***, YA Abdull Hamid Embong HMP menyatakan seperti berikut:

(1) It is trite that damages served as compensation, not a reward, less still a punishment. In assessing damages, the courts should not be motivated by sympathy and award fair compensation based on cogent evidence. The court could not descend into a domain of speculation. The evaluation of evidence which form the basis of any risk of future damage, must still be undertaken. The trial judge could only evaluate such evidence based on the recognized balance of probability standard, but with a lower degree of certainty as to the occurrence of such loss or damage in the future. Such a lower degree to be attached is best termed by the word 'possibility', 'chance', 'risk', 'danger' or



'likelihood', but regardless of the words used and their semantics, they must also essentially be a substantial one and not speculative.

[38] Manakala dalam kes ***Fletcher v Autocar and Transporter Ltd*** [1968]1 ALL ER 726 pada muka surat 750 Salmon LJ menyatakan :

"The damages should be such that the ordinary sensible man would not instinctively regard them as either mean or extravagant, but to consider them to be sensible and fair"

[39] Mahkamah juga dalam membenarkan award bagi keseluruhan gantirugi telah mengambil-kira kenaikan harga barang, kos sara hidup, kadar inflasi, dan nilai matawang.

[40] Alasan keputusan awad bagi gantirugi am dan khas Plaintiff (atas dasar 100% liabiliti) adalah seperti berikut:

GANTIRUGI AM – PLAINTIF

(1) Head Injury with ICB

Peguan Defendan Kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi kecederaan ini, manakala Peguan Plaintiff telah menghujahkan RM35,000.00. Bagi menentukan jumlah awad bagi kecederaan ini, Mahkamah telah merujuk kepada kes **LEE WAI LONG lwn YUSNAENI SYAH & SATU KES LAGI [2018] 1 LNS 545**, Mahkamah Tinggi telah menurunkan awad



RM50,000.00 kepada RM35,000.00 bagi kecederaan 'head injury with intracranial bleed'. Oleh itu, dengan mengambilkira kecederaan dan keilatan yang dialami Plaintiff, kes dahuluhan tersebut, Mahkamah memutuskan bahawa jumlah RM35,000.00 untuk kecederaan ini berpatutan dan bersesuaian berdasarkan kecederaan kepala yang dialami oleh Plaintiff dengan kesan ICB 'minimal contusion bleeds at left parietal'

(2) Soft Tissue Injury and Lacerations with Tendon Cut

Pegum Defendan Kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi kecederaan ini, manakala Pegum Plaintiff telah menghujahkan RM15,000.00 secara global. Bagi menentukan jumlah awad bagi kecederaan ini, Mahkamah telah merujuk kepada kes **LARIMAN NIUK V. MOHD HELMIEZA SUHAIMI [2020] 1 LNS 1602**, Mahkamah Tinggi telah menurunkan awad RM20,000.00 kepada RM10,000.00 bagi kecederaan 'tendon cut' dan Guidelines for Awards in Personal Injury Claim sebagai panduan, dan mendapati bagi kecederaan lacerations (single to multiple), jumlah yang dinyatakan di dalam Guidelines tersebut di antara rendah ialah RM2,500.00 dan jumlah tinggi RM9,500.00. Oleh itu, dengan mengambilkira kecederaan dan keilatan yang dialami Plaintiff, garis panduan dan kes dahuluhan tersebut, Mahkamah memutuskan bahawa jumlah RM15,000.00 secara global untuk kecederaan ini berpatutan dan bersesuaian berdasarkan kecederaan yang dialami oleh Plaintiff tersebut.



(3)Dental Injury (Multiple Fracture, Avulsed & Subluxated)

Pegum Defendan Kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi kecederaan ini, manakala Pegum Plaintiff telah menghujahkan RM50,000.00 secara global. Bagi menentukan jumlah awad bagi kecederaan ini, Mahkamah telah merujuk kepada kes **HANIDAH BT RABUDIN V. KAM SOON WEI [2013] 1 PIR 64**, Mahkamah telah mengawadkan RM35,000.00 bagi kecederaan fracture of right mandible dan Guidelines for Awards in Personal Injury Claim sebagai panduan, dan mendapati bagi kecederaan 10-20 teeth affected, jumlah yang dinyatakan di dalam Guidelines tersebut di antara rendah ialah RM21,500.00 dan jumlah tinggi RM36,000.00. Oleh itu, dengan mengambilkira kecederaan dan keilatan yang dialami Plaintiff, garis panduan dan kes dahuluan tersebut, Mahkamah memutuskan bahawa jumlah RM45,000.00 secara global untuk kecederaan ini berpatutan dan bersesuaian berdasarkan kecederaan yang dialami oleh Plaintiff tersebut. Plaintiff telah mengalami crown fracture (tooth 14), mobile grade ii (tooth 13), missing tooth 12 dan 11, complicated crown fracture (tooth 21,22,23 dan 24), step deformity to tooth 37, dentaolveolar fracture (tooth 41,42 dan 43), complicated crown fracture (tooth 44,46 and 47). Plaintiff juga mengalami fracture at left para symphysis extending to left body of mandible.



(4)Grieve Secondary to General Medical Condition (Loss of Limb)

Peguam Defendan Kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi kecederaan ini, manakala Peguam Plaintiff telah menghujahkan RM10,000.00 secara global. Mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan Plaintiff dan menolak tuntutan ini. Mahkamah berpendapat tuntutan ini adalah tidak mempunyai kaitan terus dengan kemalangan dan bertindih serta tidak wajar untuk diberikan sebagai gantirugi am setelah memberi pertimbangan yang sama kepada kecederaan kecederaan yang di alami oleh Plaintiff.

(5)Left Lung Contusion with Pneumothorax

Peguam Defendan Kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi kecederaan ini, manakala Peguam Plaintiff telah menghujahkan RM10,000.00. Bagi menentukan jumlah awad bagi kecederaan ini, Mahkamah telah merujuk kepada Guidelines for Awards in Personal Injury Claim sebagai panduan, dan mendapati bagi kecederaan Hemopneumothorax, jumlah yang dinyatakan di dalam Guidelines tersebut di antara rendah ialah RM6,000.00 dan jumlah tinggi RM7,500.00. Oleh itu, dengan mengambilkira kecederaan dan keilatan yang dialami Plaintiff, garis panduan dan kes dahuluan tersebut, Mahkamah memutuskan bahawa jumlah RM7,000.00 untuk kecederaan ini berpatutan dan bersesuaian berdasarkan kecederaan yang dialami oleh Plaintiff tersebut.



(6)Femur Fracture with Crush Injury Left Leg (Above Knee Amputation together with Muscle Wasting)

Pegum Defendan Kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi kecederaan ini, manakala Pegum Plaintiff telah menghujahkan RM150,000.00 secara global. Bagi menentukan jumlah awad bagi kecederaan ini, Mahkamah telah merujuk kepada kes **NIK SHAMERUL HAFIZI MAZLAN & ANOR V KHAIRULANWAR NAWI & ANOR [2020] 1 LNS 1610**, Mahkamah telah mengawadkan RM90,000.00 bagi kecederaan above knee amputation dan RM36,000.00 bagi open fracture femur dan Guidelines for Awards in Personal Injury Claim sebagai panduan, dan mendapati bagi kecederaan above knee amputation, jumlah yang dinyatakan di dalam Guidelines tersebut di antara rendah ialah RM84,000.00 dan jumlah tinggi RM90,000.00 dan bagi fracture femur antara jumlah rendah RM36,000 dan jumlah tinggi RM60,000.00. Oleh itu, dengan mengambilkira kecederaan dan keilatan yang dialami Plaintiff, garis panduan dan kes dahuluan tersebut, Mahkamah memutuskan bahawa jumlah RM130,000.00 secara global untuk kecederaan ini berpatutan dan bersesuaian berdasarkan kecederaan yang dialami oleh Plaintiff tersebut yang telah mengalami keretakan pada bahagian femur dan juga kaki beliau terpaksa dipotong sehingga paras atas lutut.



(7)Prolapsed Intervertebral Disc L4-L5

Peguan Defendan Kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi kecederaan ini, manakala Peguan Plaintiff telah menghujahkan RM25,000.00. Bagi menentukan jumlah awad bagi kecederaan ini, Mahkamah telah merujuk kepada Guidelines for Awards in Personal Injury Claim sebagai panduan, dan mendapati bagi kecederaan fracture of 2-5 vertebra, jumlah yang dinyatakan di dalam Guidelines tersebut di antara rendah ialah RM22,000.00 dan jumlah tinggi RM42,000.00. Oleh itu, dengan mengambilkira kecederaan dan keilatan yang dialami Plaintiff, garis panduan tersebut, Mahkamah memutuskan bahawa jumlah RM15,000.00 untuk kecederaan ini berpatutan dan bersesuaian berdasarkan kecederaan yang dialami oleh Plaintiff tersebut yang hanya mengalami prolapsed pada vertebral disc L4-L5 sahaja.

(8)Fracture to The Upper Limb with Branchial Plexus Injury

Peguan Defendan Kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi kecederaan ini, manakala Peguan Plaintiff telah menghujahkan RM80,000.00. Bagi menentukan jumlah awad bagi kecederaan ini, Mahkamah telah merujuk kepada kes **MOHAMAD SANI SHARIF & SATU LAGI LWN MUHAMMAD DANIAL AIMAN CHE OMAR [2019] 1 LNS 78**, Mahkamah Tinggi telah mengawadkan RM90,000.00 secara global bagi kecederaan fracture pada clavicle, humerus, left scapula dan



brachial plexus. Oleh itu, dengan mengambilkira kecederaan dan keilatan yang dialami Plaintiff, garis panduan dan kes dahulu tersebut, Mahkamah memutuskan bahawa jumlah RM60,000.00 secara global untuk kecederaan ini adalah berpatutan dan bersesuaian berdasarkan kecederaan yang dialami oleh Plaintiff tersebut yang mengalami fracture pada bahagian clavicle dengan left scapulothoracic dissociation, left scapula dan left brachial plexus. Akibat kecederaan ini, Plaintiff telah mengalami keilatan seperti berikut;

- *0 muscle power to the left hand*
- *Muscle wasting to the left upper limb*
- *Hypotonia of the left upper limb*
- *Absent reflex of the left upper limb*
- *Weak left upper limb with limited function which permanent*

(9) Multiple Scars – 20x5 cm hypertrophic scar, 10 cm linear surgical scar, 4x2cm hyperpigmented scar)

Peguan Defendan Kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi kecederaan ini, manakala Peguan Plaintiff telah menghujahkan RM10,000.00. Bagi menentukan jumlah awad bagi kecederaan ini, Mahkamah telah merujuk kepada kes **Seperamaniam a/l Savariappan v Muthu Kumar a/l Manikam & Anor [2013] 1 PIR 56** yang telah mengawardkan RM15,000.00 bagi kecederaan multiple scars dan Guidelines for Awards in Personal Injury Claim sebagai panduan, dan mendapati bagi kecederaan parut pembedahan, jumlah yang dinyatakan di dalam



Guidelines tersebut di antara rendah ialah RM2,750.00 dan jumlah tinggi RM12,000.00. Setelah merujuk kepada guidelines yang ada dan kes di atas dan setelah menimbangkan laporan pakar kedua-dua pihak, Mahkamah memutuskan bahawa jumlah RM8,000.00 bagi kecederaan parut pembedahan tersebut adalah berpatutan dan bersesuaian kerana Plaintiff hanya mengalami 3 parut di tempat tempat yang berlainan.

GANTIRUGI KHAS – PLAINTIF

(1) Kos Kaki Prostetik:

Peguam Defendan Kedua menghujahkan bahawa tuntutan ini perlu ditolak kerana Plaintiff telah menerima tuntutan SOCSO dan Defendan juga tidak mengemukakan sebarang sebutharga lain bagi kos prostetik. Manakala Peguam Plaintiff telah mengemukakan satu sebutharga dari Endolite Asia Sdn Bhd berjumlah RM1,987,220.00 yang mana dokumen tersebut telah dipersetujui oleh pihak Defendan.

Mahkamah menolak untuk menerima hujahan Defendan Kedua bahawa tuntutan ini tidak boleh dibenarkan kerana Plaintiff telah menerima tuntutan SOCSO akibat daripada kemalangan ini. Mahkamah memutuskan bahawa bayaran SOCSO yang diterima oleh Plaintiff adalah tidak relevan dan tidak boleh diambil kira oleh Mahkamah dalam membuat penilaian gantirugi kecederaan diri. Prinsip undang-undang adalah jelas di mana seksyen **28A (1) CIVIL LAW ACT 1956 (REVISED 1972)** telah memperuntukkan bahawa ;



“(1) In assessing damages recoverable in respect of personal injury which does not result in death, there shall not be taken into account –

(a) any sum paid or payable in respect of the personal injury under any contract of assurance or insurance, whether made before or after the coming into force of this Act;

(b) any pension or gratuity, which has been or will or may be paid as result of the personal injury; or

(c) any sum which has been or will or may be paid under any written law relating to the payment of any benefit or compensation whatsoever in respect of the personal injury.”

Mahkamah seterusnya mendapati bahawa oleh kerana Defendan Kedua telah tidak mengemukakan sebarang lain untuk mencabar sebarang Plaintiff yang mana telah dipersetujui, maka Mahkamah tiada keterangan lain untuk mempertimbangkannya selain daripada menerima sebarang yang dikemukakan oleh Plaintiff tersebut. Dalam keadaan ini, Mahkamah mendapati keterangan melalui sebarang Plaintiff tersebut adalah tidak disangkal dan tidak tercabar oleh Defendan Kedua dan hendaklah diterima oleh Mahkamah. Oleh itu, Mahkamah telah membenarkan sejumlah RM1,987.220.00 (tanpa faedah) bagi tuntutan ini kepada Plaintiff.



(2) Kos Fisioterapi, NSAIDS, Rawatan Spine dan Brachial Plexus Exploration

(a) Kos Fisioterapi

Peguam Plaintiff menghujahkan bahawa Plaintiff berhak untuk diberi fisioterapi pada kadar (RM60 x 3 sesi seminggu x 4 bulan) x 2 yang berjumlah RM1,440.00. Peguam Defendan kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi rawatan ini. Berdasarkan laporan pakar Plaintiff, Mahkamah berpendapat Plaintiff berhak untuk menerima rawatan fisioterapi tetapi memandangkan rawatan tersebut juga boleh diperolehi di Hospital Kerajaan, maka Mahkamah hanya membenarkan 1/3 dari jumlah yang dicadangkan oleh pakar Plaintiff iaitu berjumlah RM480.00 (tanpa faedah) sahaja.

(b) NSAIDS

Peguam Plaintiff menghujahkan bahawa Plaintiff berhak untuk diberi rawatan NSAIDS pada kadar (RM100.00 sebulan x 34.2 tahun x 12 bulan) yang berjumlah RM41,000.00. Peguam Defendan kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi rawatan ini. Berdasarkan laporan pakar Plaintiff, Mahkamah berpendapat Plaintiff berhak untuk menerima rawatan NSAIDS tetapi memandangkan rawatan tersebut juga boleh diperolehi di Hospital Kerajaan, maka Mahkamah hanya membenarkan 1/3 dari jumlah yang dicadangkan oleh pakar Plaintiff iaitu berjumlah RM13,666.66.00 (tanpa faedah) sahaja.



(c) Invasive Spine Treatment

Peguam Plaintiff menghujahkan bahawa Plaintiff berhak untuk diberi rawatan Invasive Spine yang berjumlah RM8,000.00. Peguam Defendan kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi rawatan ini. Berdasarkan laporan pakar Plaintiff, Mahkamah berpendapat Plaintiff berhak untuk menerima rawatan ini kerana Plaintiff telah mengalami pada bahagian spine tetapi memandangkan rawatan tersebut juga boleh diperolehi di Hospital Kerajaan, maka Mahkamah hanya membenarkan 1/3 dari jumlah yang dicadangkan oleh pakar Plaintiff iaitu berjumlah RM2666.66 (tanpa faedah) sahaja.

(d) Brachial Plexus Exploration

Peguam Plaintiff menghujahkan bahawa Plaintiff berhak untuk diberi rawatan ini yang berjumlah RM45,000.00. Peguam Defendan kedua tidak menghujahkan sebarang jumlah bagi rawatan ini. Berdasarkan laporan pakar Plaintiff, Mahkamah berpendapat Plaintiff berhak untuk menerima rawatan ini kerana Plaintiff telah mengalami kecederaan pada bahagian brachial plexus tetapi memandangkan rawatan tersebut juga boleh diperolehi di Hospital Kerajaan, maka Mahkamah hanya membenarkan 1/3 dari jumlah yang dicadangkan oleh pakar Plaintiff iaitu berjumlah RM15,000.00 (tanpa faedah) sahaja.

(3) Kehilangan Pendapatan Sebenar

Plaintiff telah memberi keterangan bahawa beliau telah bekerja sebagai pemandu kepada FGV dengan gaji RM1,800.00 sebulan sebelum



kemalangan. Plaintiff juga telah memberi keterangan bahawa beliau telah bercuti sakit lebih kurang 2 tahun dan hanya kembali kerja pada sekitar Februari 2017. Sijil cuti sakit Plaintiff dikemukakan dan ditanda sebagai eksibit **P16**. SP2, majikan Plaintiff telah memberi keterangan dan mengesahkan pekerjaan Plaintiff dan gaji serta mengemukakan slip gaji seperti di eksibit **P9** dan **P10**.

Semasa pemeriksaan balas, SP2 telah memaklumkan bahawa Plaintiff bekerja mengikut jam dan Plaintiff telah kembali kerja dengan gaji RM1,000.00 sebulan.

Peguam Defendan Kedua telah menghujahkan bahawa memandangkan Plaintiff bekerja mengikut jam maka gaji asas yang perlu diambil kira oleh Mahkamah adalah RM1,000.00 sahaja.

Mahkamah telah meneliti isu ini dan mendapati bahawa walaupun Plaintiff bekerja mengikut jam, eksibit P9 dan P10 menunjukkan bahawa jumlah gaji yang berjaya diperolehi oleh Plaintiff sebelum kemalangan iaitu berjumlah RM1800.00 sebulan. Oleh itu, Mahkamah menerima keterangan Plaintiff bahawa pendapatan bulan beliau sebelum kemalangan adalah RM1800.00 sebulan. Berdasarkan eksibit P16 pula, Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff telah bercuti sakit selama 21 bulan. Mahkamah juga berpendapat bahawa sejumlah 1/3 dari pendapatan juga perlu ditolak bagi kos sara hidup dan oleh itu, jumlah kehilangan pendapatan sebenar yang dibenarkan kepada Plaintiff ialah $RM1800 \times 21 \text{ bulan} - \frac{1}{3}$ yang berjumlah RM25,200.00.



(4) Kehilangan Sebahagian Pendapatan Masa Hadapan

Mahkamah telah menerima keterangan bahawa Plaintiff telah bekerja sebagai pemandu kepada FGV dengan gaji RM1,800.00 sebulan sebelum kemalangan dan selepas kembali bekerja pada sekitar Februari 2017, beliau telah dibayar gaji RM1,000.00 sebulan. Plaintiff telah menghujahkan bahawa beliau wajar diberi kehilangan pendapatan masa hadapan sebanyak RM800 sebulan yang berjumlah RM91,200.00. Mahkamah bersetuju bahawa Plaintiff adalah layak diberi kehilangan sebahagian pendapatan masa hadapan tetapi sejumlah $\frac{1}{3}$ hendaklah di tolak dari jumlah tersebut bagi kos sara hidup. Oleh itu, Mahkamah membenarkan kehilangan sebahagian pendapatan masa hadapan sebanyak $\frac{1}{2} \times (55-36) \times 12 \text{ bulan} \times \text{RM}800.00 - \frac{1}{3} \text{ (kos sara hidup)}$ yang berjumlah RM60,800.00 tanpa faedah.

[41] Mahkamah juga telah membenarkan kos mengikut skala dan faedah pada kadar 5% setahun bagi gantirugi am dari tarikh penyerahan saman sehingga tarikh penghakiman dan 2.5% setahun bagi gantirugi khas dari tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman. Faedah 5% setahun juga dibenarkan atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh dan kos mengikut skala.

.....chewanzaidi.....

[DATO' CHE WAN ZAIDI BIN CHE WAN IBRAHIM]

Hakim

Mahkamah Sesyen

Temerloh, Pahang

Bertarikh: 15 September 2022



Tetuan N.M Tiong & Co
bagi Pihak Plaintiff

Tetuan Jacob Goldie SS Chew
bagi Pihak Defendan Kedua



S/N b0FrmAs/sEepEUAcbgIKA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal